

# **TEORI SEMIOTIK PEIRCE DAN MORRIS: SATU PENGENALAN KAEDAH ANALISIS SASTERA**

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali

## **Pengenalan**

Tulisan ini meneliti teori semiotik Peirce dan teori semiotik Morris dalam karya sastra Melayu. Morris merupakan pengikut Peirce yang terdekat dan beliau banyak mengambil konsep Peirce terutama mengenai proses semiosis *triadic*. Namun demikian, terdapat beberapa persamaan dan perbezaan dalam teori mereka. Teori semiotik berasal dari Barat dan istilah semiotik itu berasal daripada istilah Yunani, iaitu "*semeion*" yang bererti tanda. Oleh yang demikian, semiotik bererti ilmu tanda, iaitu salah satu cabang ilmu yang berkaitan dengan pengkajian tanda dan segala sesuatu yang berhubung dengan tanda, seperti sistem tanda dan proses yang berlaku bagi penggunaan tanda (Aart van Zoest, 1993: 152).

Pemikiran tentang tanda atau "*semeion*" oleh ahli-ahli falsafah Yunani dikatakan bermula sejak dua ribu tahun lalu. Plato dan Aristotle, iaitu dua orang ahli falsafah Yunani yang masyhur merupakan perintis awal


semiotik. Mereka telah memperkenalkan teori bahasa dan makna. Plato memeriksa asal-usul bahasa dalam *Cratylus* dan Aristoteles melihat kata benda dalam bukunya, *Poetics* dan *On Interpretation* (Paul Cobley dan Litza Jansz, 1997: 4). Usaha mereka ini walau bagaimanapun cuba dihapuskan oleh golongan “Stoics” yang berpandangan bahawa teori itu tidak wajar dan sukar dipertahankan keunggulannya (Mana Sikana, 1998: 152).

Semenjak penolakan teori epistemologi Yunani, semiotik kemudiannya tidak lagi popular sehinggalah abad ke-17 apabila ahli falsafah Inggeris, John Locke (1632-1704) menggunakannya kembali untuk menunjukkan dengan jelas doktrin perlambangannya itu. Abad ke-19 memberikan nafas baru kepada perkembangan semiotik dengan munculnya dua orang tokoh penting, iaitu Fredinand de Saussure (1857-1913), seorang tokoh berbangsa Swiss dan Charles Sanders Peirce (1839-1914), seorang ahli falsafah yang sekali gus merupakan seorang peneroka tradisi semiotik di Amerika Syarikat (Supardy Muradi, Disember 1984: 36). Walau bagaimanapun dua orang tokoh ini tidak saling mengenali di antara satu sama lain.

Daripada Saussure dan Peirce, maka semiotik semakin berkembang dengan lahirnya beberapa tokoh serta pengikut-pengikut Saussure dan Peirce yang turut membahaskan semiotik. Antaranya termasuklah Roland Barthes dalam *Elements de Semiologie* (1953), Charles Morris dalam *Signs Language and Behavior* (1955), dan *Foundations of the Theory of Signs* (1970), Julia Kristeva dalam *Semeiotike* (1969), Umberto Eco dalam *Semiotics of Poetry* (1976), serta Michael Riffaterre yang membicarakannya dalam *Semiotics of Poetry* (1978).

## **Teori Semiotik Peirce**

Bagi Peirce (1965, Vol. II: 242), semiotik merupakan tanda yang dapat dikenal pasti melalui proses semiosis yang terbahagi dalam tiga kategori, iaitu: pertama *representamen*, kedua objek (*object*), dan ketiga (*interpretant*). Tanda merupakan hubungan segitiga asli (*genuine triadic*) (Pierce, 1965: 274) dan dapat digambarkan seperti berikut:



Bagi Peirce, erti tanda yang sebenarnya adalah mengemukakan sesuatu dan juga disebut sebagai *representamen* (Panuti Sudjiman dan Aart Van Zoest, 1996: 7). Apa yang dikemukakan oleh tanda, apa yang diacunya, yang ditunjukkannya, disebut oleh Peirce dalam bahasa Inggeris *object*, dan juga digunakan kata *designatum* atau *denotatum* (Pierce, 1965:274).

Berdasarkan *representamen*, objek, dan *intepretant* daripada proses semiosis *triadic*, Peirce telah mengemukakan tanda-tanda. *Representamen* terbahagi kepada tiga jenis, iaitu *Qualisign*, *Sinsign*, dan *Legisign*. Menurut Peirce (165: 244); *qualisign* adalah “a quality which is a sign”. Paul Cogley dan Litza Jansz (1998: 32) menjelaskan lagi, iaitu: “a *representamen* made up of a quality, e.g. the colour green”. Tikus Putih dalam novel *Tikus Rahmat* (1963) karya Hassan Ibrahim telah diberikan warna putih oleh pengarangnya. Dalam novel ini, putih merupakan *qualisign* yang diberi kepada tikus itu melambangkan seseorang yang mempunyai darjat yang tinggi dan mewakili golongan elit yang berpendidikan Barat.

*Sinsign* pula menurut Peirce (1965: 245); adalah “an actual existent thing or event which is a sign”. Ini bermaksud tanda adalah berdasarkan kemunculannya dalam kenyataan (Pierce, 1965:245). Menurut Paul Cogley dan Litza Jansz (1998: 32) pula, *sinsign* sebagai “A *representamen* made up of an existing physical reality, e.g. a road sign in a specific street”. Tentang *sinsign*, Aart van Zoest (Aart van Zoest, 1993: 20), menjelaskan lagi dengan mengatakan bahawa semua pernyataan individu yang tidak dilembaga dan semua tanda yang kita kenal tanpa berdasarkan suatu kod, termasuk dalam *sinsign*. Dalam novel *Di Negeri Belalang* (1989), “bangau-bangau sawah” merupakan *sinsign* pengarang untuk menyatakan tentang kapal terbang tentera Jepun yang sedang terbang di langit.

Seterusnya *legisign* adalah “*a law that is a sign*” (Peirce, 1965: 244); Paul Cogley dan Litza Jansz (1998: 32) mengatakan *legisign* sebagai “*A representamen made up of a law, e.g. the sound of the referee’s whistle in a football match*”. Dengan erti kata lain, tanda umum (Aart van Zoest, 1993: 19-20) ialah tanda-tanda yang merupakan tanda atas dasar suatu peraturan yang berlaku umum, sebuah konvensi, sebuah kod. Oleh itu, tanda lalu lintas merupakan *legisign*. Malah, semua tanda bahasa juga merupakan *legisign* kerana bahasa merupakan kod. Semua tanda bahasa yang berlaku secara umum dalam karya sastera merupakan *legisign*. Ini bermakna karya sastera hendaklah difahami oleh masyarakat yang berkongsi bahasa yang sama. Misalnya pembaca yang berasal atau berada dalam kalangan masyarakat Melayu kemungkinan besar tidak mempunyai sebarang masalah untuk mengetahui jenis-jenis burung, binatang, dan jenis-jenis pokok hutan yang terdapat di bukit Srengenge yang dipaparkan dalam novel *Srengenge* (1973). Misalnya tekukur, puling, punai, serindit, merbuk, napuh, pelanduk, pucuk kaya, daun palas, buluh leman, rotan, dan bertam.

Seterusnya pada tahap kedua, iaitu objek. Peirce mengemukakan tiga jenis tanda, iaitu ikon, indeks, dan simbol. Ikon ialah tanda yang merujuk kepada objek yang menunjukkan sifat yang sama seperti yang digambarkan dan ia mempunyai persamaan (Peirce, 1965: 247). Ikon merupakan tanda berhubung dengan objek tertentu kerana terdapatnya keserupaan (Paul Cogley dan Litza Jansz, 1997: 33). Sebuah tanda akan bersifat ikonik apabila terdapat kemiripan rupa (*resemblance*) antara tanda dan hal yang diwakilinya. Dalam ikon, hubungan antara tanda dan objeknya terwujud sebagai ‘kesamaan’ atau ‘keserupaan’ rupa yang terungkap oleh tanda. Sebuah diagram, peta, atau lukisan memiliki hubungan ikonik dengan objeknya, iaitu sejauh mana terdapat keserupaan pada kedua-duanya (Kris Budiman, 1999: 49). Ikon membawa fungsi-fungsi tertentu berkaitan tafsiran makna dengan struktur permukaan (Sahlan Mohd. Saman, 1994: 26). Jadi ikon merupakan persamaan dengan bentuk objeknya yang melaksanakan fungsi sebagai penanda yang menjadi tanda pada petandanya. Ikon Imrah dalam novel *Ombak Bukan Biru* (1979), *The Missing Peace* (2005), dan *The Missing Peace II* (2006), karya Fatimah Busu memperlihatkan ikon wanita yang gigih, rajin, dan mempunyai semangat yang kuat dalam menjalani kehidupannya yang penuh dengan cabaran dan dugaan. Kegigihan, kerajinan, dan semangat

kuat itu telah melaksanakan fungsi kepada penandanya, iaitu watak Imrah.

Seterusnya indeks pula merujuk kepada objek, yang menunjukkan kesan daripada objek (Peirce, 1965: 248). Dengan indeks, kita dapat menghubungkan di antara penanda dengan petandanya yang memiliki sifat-sifatnya, iaitu nyata, bertataurur, sebab akibat dan selalu mengisyaratkan sesuatu (Puji Santosa, 1993: 12). Mana Sikana (Jun 2001: 202) mengatakkan indeks ialah tanda yang merujuk kepada sesuatu tanda yang mengumpulkan satu tanda atau beberapa fenomena, sebab-musabab, simptom, isyarat, ikatan, dan sebagainya. Begitu juga dengan tanda lubang peluru merupakan tanda berlakunya tembakan. Sekiranya tidak ada tembakan, maka tidak ada lubang yang wujud, sebaliknya jika ada lubang di situ, maka itu bergantung kepada naluri manusia untuk mengintepretasikannya, sama ada terdapat kesan daripada tembakan atau tidak (Charles Hartshorne dan Paul Weiss, 1965: 170). Contoh yang paling biasa untuk indeks ialah asap dan api yang merupakan suatu kejadian yang saling berkaitan antara satu sama lain. Asap boleh dianggap tanda untuk api. Ini bermakna sekiranya ada asap, maka itu akan merujuk kepada api. Dalam hal ini asap merupakan indeks untuk api. Dalam novel *Arus* (1981), karya Anwar Ridhwan, indeks Imah dibaham buaya dapat diketahui melalui air sungai yang berwarna merah dan juga jeritannya yang meminta pertolongan. Indeks ini menjadi kebenarannya apabila mayat Imah ditemui dengan kedua-dua belah kakinya telah putus akibat dibaham buaya.

Simbol pula menurut Peirce (1965: 249) ialah tanda yang merujuk kepada objek yang menunjuk kepada peraturan (*law*) dan biasanya merupakan gabungan idea-idea umum (*general ideas*). Simbol sebagai salah satu jenis tanda mempunyai ciri yang menunjukkan hubungan antara tanda dengan *denotatumnya* ditentukan oleh suatu peraturan yang berlaku secara umum (Aart van Zoest, 1993: 25) atau dikatakan sebagai tanda yang berhubung dengan objek tertentu semata-mata kerana kesepakatan (Paul Copley dan Litza Janz, 1997: 33). Hubungan itu merupakan hubungan yang sudah terbentuk secara konvensional (Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest, 1992: 9) dan tidak menunjukkan hubungan alamiah antara penanda dan petandanya. Hubungannya adalah bersifat arbitrari dan berdasarkan konvensi masyarakat (Rachmat

Djoko Pradoppo, 1993: 121-122). Simbol traktor dalam novel *Ranjau Sepanjang Jalan* ialah simbol kemodenan yang hendak diperlihatkan oleh pengarangnya, Shahnnon Ahmad. Lahuma dan Jeha mengerjakan sawah mereka dengan hanya menggunakan kerbau, sementara semasa menuai padi mereka menggunakan tulang empat kerat sahaja. Walau bagaimanapun Penghulu merupakan satu-satunya penduduk kampung yang menuai padi dengan traktor.

*Interpretant* bukannya penterjemah (*interpreter*), tetapi merupakan *interpretant*, seperti yang dikatakan oleh Paul Cobley dan Litza Janz (1998; 23) “...it is a proper significate effect. Most often it is thought as a sign in the mind that is the result of an encounter with a sign. Pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa *interpretant* merupakan tanda yang terdapat dalam fikiran kita sejurus selepas kita mengenal pasti tanda tersebut. *Interpretant* kemudiannya telah dibahagikan kepada tiga jenis, iaitu *Rheme*, *Dicent Signs*, dan *Argument*. Menurut Peirce (1965: 250); “A *Rheme* is a Sign, which for its *Interpretant*, is a sign of qualitative Possibility” atau dengan kata lain “A *Rheme*: where the sign is represented for the *Interpretant* as a possibility” (Paul Cobley dan Litza Janz, 1998: 34). Tanda merupakan *rheme* apabila dapat diinterpretasikan sebagai hasil *representamen* daripada suatu kemungkinan tanda (Aart van Zoest, 1993: 29). Dalam novel *Rumah Itu Dunia Aku* (1951), tanda *rheme* bahawa Hasni seorang yang sakit jiwa dapat dilihat apabila dia bertindak mencekik Lin sebaik sahaja Lin memberitahu bahawa tunang Hasni telah lari dengan Mahmud.

Tanda *Dicent Sign* pula adalah;

“A *Dicent Sign* is a Sign, which, for its *Interpretant*, is a sign of actual existence”

(Peirce, 1965: 251)

Atau dengan kata lain;

“A *Dicent*: where the sign is represented for the *Interpretant* as a fact”

(Paul Cobley dan Litza Janz, 1998: 34).

Sebuah tanda itu merupakan *decent signs* apabila bagi *interpretant*nya, tanda itu menawarkan hubungan benar yang wujud antara tanda (Aart

van Zoest, 1993: 29). Tanda merupakan sebuah penanda yang menampilkan informasi tentang petandanya (Puji Santosa, 1993: 11). Dalam *Nyawa di Hujung Pedang* (1975) oleh Ahmad Murad Nasaruddin, tanda *Dicent Sign* dapat dilihat apabila pihak British mencari ‘orang salah perang’, iaitu orang Jepun yang bekerja sebagai MP dan pegawai-pegawai polis. Tanda ini dapat dilihat melalui gambar-gambar yang disebar kepada orang ramai. Gambar-gambar tersebut merupakan penanda yang menampilkan informasi tentang petandanya yang menunjukkan pesalah-pesalah perang yang sangat dikehendaki oleh pihak British.

Tanda yang ketiga, iaitu *argument* pula adalah;

“*An Argument is a Sign which, for its Interpretant, is a sign of law*”,  
atau “*Argument is a Sign which is understood to represent its Object  
in its character as Sign*”.

(Peirce, 1965: 252)

Dengan kata lain “*An Argument: where the sign is represented for the Interpretant, as a reason*” (Paul Copley dan Litza Janz, 1998: 34). Bertitik-tolak daripada Peirce sebagai ahli logik, beliau turut menjelaskan tanda *interpretantnya* sebagai tanda yang berlaku secara umum, iaitu disebut tanda yang beralasan. *Argument* dapat dikaitkan dengan ‘renungan tentang kebenaran’ (*tend to the truth*) (Peirce, 1965: 253), diutamakan oleh Peirce dalam semiotikanya. Tanda *argument* ini dapat dilihat dalam novel *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* (1979) oleh Anwar Ridhwan apabila mayat Pawang ‘Kri dijumpai dalam keadaan ngeri. Tanda *argument* bahawa Pawang ‘Kri mati akibat dibaham buaya dapat dilihat daripada mayatnya yang seperti ‘upih yang disiat’, berlubang-lubang di dada dan di perutnya, serta diselaputi oleh darah beku yang kehitam-hitaman. Tanda *argument* mayat Pawang ‘Kri yang dijumpai pucat kebiru-biruan juga menunjukkan bahawa mayat Pawang ‘Kri berada di dalam mulut buaya di dalam air bagi tempoh yang lama.


## **Teori Semiotik Morris**

Morris juga mengatakan bahawa proses semiosis boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu *sign vehicle*, *interpretant*, dan *designatum*, bagi;

*“This process, in a tradition which goes back to the Greeks, has commonly been regarded as involving three (or four) factors: that which acts as a sign, that which the sign refers to, and that effect on some interpreter in virtue of which the thing in question is a sign to the interpreter. These three components in semiosis may be called, respectively, the sign vehicle, the designatum, and the interpretant: the interpreter may be included as a fourth factor.”*

(Morris, 1938b: 3)

Daripada petikan di atas, jelaslah Morris mengenali tanda melalui proses *triadic* (segitiga), iaitu *sign vehicle*, *designatum*, dan *interpretant* (Morris, 1938b:3). Dalam proses ini juga faktor yang keempat, iaitu *interpreter* boleh ditambah. *Sign vehicle* bermaksud: “*which act as a sign*” (Morris, 1938b:3) dan *designatum* pula bermaksud: “*which the sign refers to*” (Morris, 1938b:3). *Interpretant* pula adalah “*that effect on some interpreter in virtue of which the thing in question is a sign to that interpreter*” (Morris, 1938b:3). Hubungan segitiga Morris dapat digambarkan seperti rajah berikut:



Morris turut menerima semiosis sebagai urutan kejadian yang teramati. Paul Cobley dan Litza Janz (1997: 107-108) telah memberikan contoh kucing yang merujuk kepada kenyataan Morris ini. Katanya, anda memungut seekor kucing di tepi jalan. Pada peringkat awalnya, anda tidak dapat menjinakkan kucing tersebut dalam waktu terdekat dalam suasana rumah anda. Semasa anda mahu tidur, anda mahu kucing tersebut memasuki satu ruang tertentu di rumah anda. Mula-mula anda hendaklah memancing kucing itu agar masuk ke ruang itu dengan mengacukan kepada kucing itu makanan ikan dari kotak makanan kucing. Setelah beberapa malam berturut-turut, kucing itu akan terbiasa dengan cara begitu. Selepas itu, anda akan dapati kucing itu akan segera menjadi jinak. Ia akan pergi ke tempat yang diinginkan walaupun tanpa




melihat makanannya tetapi hanya berdasarkan bunyi daripada kotak makanan. Oleh itu, bunyi kotak yang digoncang-goncang sahaja sudah cukup menjadi tanda makanan kepada kucing tersebut. Bunyi kotak makanan kucing itu lebih memberi fungsi sebagai tanda yang mewakili objek tertentu.

Dalam hal ini, *sign vehicle* merujuk pada bunyi kotak makanan kucing, *denotatum* merujuk pada makanan kucing, dan *interpreter* pula merujuk pada kucing. *Interpretant* merupakan sebuah kecondongan yang disebabkan oleh tanda, dan ia ditangkap oleh *interpreter*.

### *Interpretant*

(apabila bunyi kotak kedengaran, menandakan waktu untuknya (kucing) makan)



Morris membahagikan proses semiosisnya kepada tiga jenis, iaitu sintaksis, semantik, dan pragmatik. Sintaksis merupakan kajian hubungan tanda dengan objek atau 'penafsir'. Oleh itu sintaksis termasuk kajian tentang hubungan antara kombinasi tanda tertentu dalam bahasa (Charles Morris, 1970: 13) dan menumpukan pada struktur ilmu tatabahasa atau nahu bahasa. Menurut Morris lagi:

*"Syntactics is, then, the consideration of signs and sign combination in so far as they are subject to syntactical rules. It is not interested in the individual properties of the sign vehicle or in any of their relations except syntactical ones, i.e., relations determined by syntactical rules".*

(Charles Morris, 1970: 14)

Oleh itu, sintaksis merupakan kesedaran tentang tanda dan kombinasi tanda selagi ia di bawah peraturan sintaksis. Ia merupakan

kajian tentang penulisan tanda, mengkaji hubungan antara tanda-tanda seperti yang ditetapkan dan ditentukan oleh peraturan. (Charles Morris, 1970:15-16). Hubungan-hubungan inilah yang menyebabkan sintaksis dikatakan sebagai “*the structural relations between signs*” (<http://www.argyroneta.com/s4b/sem01.html>) atau hubungan antara satu tanda dengan tanda yang lain (hubungan kombinasi) (Paul Cobley dan Litza Janz, 1997: 118).

Dalam karya sastera, selagi seseorang pembaca itu berada dalam kawasan sintaksis, pembaca tersebut tidak akan terkeluar daripada yang mereka fahami melalui ayat-ayat yang disusun dan dihuraikan oleh pengarang. Sintaksis merupakan pijakan yang nyata, fakta-faktanya disusun secara teratur dan baik dalam suatu ikhtisar yang dibatasi (Van Zoest, 1993: 35). Misalnya, tanda sintaksis dalam cerpen S.M Zakir, “Matahari di atas Sejadah” (2006) seperti berikut:

*“Berkulit putih kuning dan berwajah bersih ceria, Ustaz Nik senang tersenyum dan sangat baik hati. Ustaz Nik mengajar di sekolah agama tempat Tamrin dan Mat Nor belajar. Sebelah malam, Ustaz Nik menghabiskan masa di surau.”*

(Nor Azah Abd Aziz dan Rozlan Mohamed Noor, 2007: 25)

Daripada tanda sintaksis dalam petikan di atas, pembaca akan dapat mengetahui bahawa Ustaz Nik mempunyai kulit putih kuning, wajah yang bersih dan ceria, mudah melemparkan senyuman serta sangat baik hati. Ustaz Nik bekerja sebagai guru agama dan mengajar di sekolah tempat Tamrin dan Mat Nor belajar. Pada siang hari Ustaz Nik mengajar di sekolah manakala pada sebelah malam dia beribadat di surau. Oleh yang demikian, pada peringkat sintaksis ini pembaca dapat memahami keseluruhan petikan tersebut. Huraianya dapat difahami dalam suatu ikhtisar yang dibatasi dalam petikan itu.

Menurut Charles Morris (1970: 21): “*Semantics deal with the relation of signs to their design and so to the objects which they may or do denote*”. Oleh itu, semantik merupakan makna tentang tanda-tanda atau hubungan antara tanda-tanda terhadap yang ditandainya (<http://www.argyroneta.com/s4b/sem01.html>). Dalam erti kata lain, semantik ialah hubungan di antara tanda-tanda dengan ‘tanda yang dirujuknya’ (Paul

Cobley dan Litza Janz, 1997: 118). Apabila kajian dalam tanda ini menonjolkan hubungan tanda-tanda dengan acuannya dan melalui interpretasi yang dihasilkannya, itu merupakan kerja semantik semiotik (Panuti Sudjiman dan Aart van Zoest, 1992: 6) dan semantik merupakan makna tanda-tanda sebelum digunakan dalam tuturan tertentu (Kris Budiman, 1999: 106). Semantik juga merupakan kajian mengenai erti dan merupakan sebahagian daripada linguistik. Dalam aspek semiotik, pertanyaan semantik mengenai nilai kebenaran suatu pertanyaan merupakan pertanyaan mengenai status denotatumnya (Aart van Zoest, 1990: 30). Semantik merupakan telaah makna yang menelaah lambang-lambang atau tanda-tanda yang menyatukan makna (Henry Guntur Tarigan, 1986: 18). Misalnya makna 'betina' yang membawa maksud wanita yang tidak elok budi pekertinya telah dikembangkan maknanya dalam novel *Arus* (1985). Pengarang telah memberikan perlambangan 'betina' sebagai wanita kota, wanita Inggeris sebagai 'betina blonde' dan wanita Negro sebagai 'betina kulit hitam'.

Pragmatik bermaksud hubungan antara tanda-tanda dan pemakainya atau penafsir-penafsirnya, atau lebih jelas lagi meliputi tanda dan penafsiran (hubungan penekanan) (Paul Cobley dan Litza Janz, 1997: 118). Menurut Charles Morris:

*'The term 'pragmatics' has obviously been coined with reference to the term 'pragmatism'. It is a plausible view that the permanent significance of pragmatism lies in the fact that it has directed attention more closely to the relation of signs to their users...'*

(Charles Morris, 1970: 29)

Penafsir kepada tanda dikenali sebagai organisma, manakala 'interpretant' pula merupakan suatu kebiasaan daripada organisma untuk bertindak balas (Charles Morris, 1970: 31). Penelitian pragmatik dapat dilakukan dengan keterangan-keterangan daripada sintaksis dan semantik. Seterusnya penelitian pragmatik menghubungkan teks dengan penulis atau dengan pembaca (Aart van Zoest, 1993: 64). Unsur pragmatik misalnya dapat dilihat pada monolog dalaman Pak Hassan dalam *Hari-hari Terakhir Seorang Seniman* yang telah dipaparkan oleh pengarang untuk menarik pembaca ke dalam emosi sedih Pak Hassan yang sentiasa mengharapkan anaknya Mat Junuh sembuh. Ini dapat dilihat dalam


petikan di bawah:

“Bertahun-tahun sudah kuharapkan kesembuhannya, fikir Pak Hassan lagi. Tetapi dia tak memperlihatkan perubahan. Apa yang dapat kulakukan lagi kecuali terus berdoa agar dalam waktu terdekat dia akan sembuh? Nah, pada ketika itu dia harus duduk di hadapanku sambil mendengar aku menuturkan cerita...”

(Anwar Ridhwan, 1979: 81-82)

Persamaan yang paling jelas dalam semiotik Peirce dan semiotik Morris adalah melalui konsep proses semiosis yang diutarakannya. Morris, seperti juga Peirce, mengatakan bahawa tanda dapat dikenal pasti melalui proses semiosis secara *triadic* (Carolyn Eisele dalam John N. Deely dan Margot D. Lenhart, 1980: 429). Oleh itu ketiga-tiga konsep oleh Peirce, iaitu konsep *sign vehicle* sama dengan konsep *representamen*, manakala *designatum* pula merujuk kepada konsep objek oleh Peirce, dan *designatum* juga menyerupai *denotatum*. Peirce turut menggunakan konsep *designatum*, namun yang paling menonjol penggunaannya ialah objek. Di sini jelas bahawa *designatum*=*denotatum*=*objek*. *Interpretant* pula sama dengan konsep *interpretant* Peirce, terutamanya pada kenyataan bahawa *interpretant* merupakan konsep ketiga yang menyatukan *representamen* dengan objek (Paul Copley dan Litza Janz, 1998: 111).

Morris turut mengemukakan *interpretant* sebagai konsep ketiga yang menyatukan *sign vehicle* dengan *designatum*. Penjelasan proses semiosis Peirce dan proses semiosis Morris dapat dilihat dengan lebih jelas dalam rajah berikut:



Oleh yang demikian, proses semiosis *triadic* Peirce dengan Morris hanya berbeza dari segi istilah, sedangkan maksud dan fungsinya adalah sama. Persamaan istilah kedua-dua proses semiotik ini cuma pada

*designatum* dan *interpretant* sahaja yang sama. Walau bagaimanapun Peirce banyak menggunakan istilah objek dan *denotatum* dalam teori semiotiknya berbanding dengan *designatum*.

Perbezaan kedua-dua teori ini jelas, iaitu Peirce membahagikan proses semiosis *triadic*nya kepada sembilan jenis tanda, iaitu ikon, indeks, simbol, *qualisign*, *sinsign*, *legisign*, *rheme*, *decent signs*, dan *argument*, manakala Morris pula membahagikannya kepada tiga jenis, iaitu sintaksis, semantik, dan pragmatik.

## Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan, secara jelas walaupun Morris menggunakan istilah yang berbeza dengan Peirce dalam proses semiosis *triadic*, tetapi konsepnya adalah sama. Seterusnya daripada proses semiosis tersebut, Peirce memperlihatkan lagi beberapa jenis tanda. Pada tahap *representamen*, Peirce memperkenalkan tiga jenis tanda: *Qualisign*, *Sinsign*, dan *Legisign*. Pada tahap objek pula Peirce memberikan tanda ikon, indeks, dan simbol. Manakala pada tahap *interpretant* terbahagi kepada *Rheme*, *Decent Sign / Desisign*, dan *Argument*. Morris yang lebih kepada aliran *Behaviorisme* mengembangkan konsep Peirce, daripada proses semiosis *triadic* dengan membahagikan semiotik kepada sintaksis, semantik, dan pragmatik.

Tanda-tanda yang berada dalam proses semiosis yang diperkenalkan oleh Peirce boleh dimanfaatkan untuk mengkaji karya-karya sastera. Begitu juga dengan tanda sintaksis, semantik, dan pragmatik yang sememangnya boleh digunakan untuk mengkaji karya sastera. Namun teori Morris ini agak kurang mendapat perhatian dalam kajian kesusasteraan dan teori ini juga perlu dimantapkan lagi bagi tujuan tersebut.

Semiotik berupaya membongkar maksud sebenar seseorang penulis untuk menyampaikan cerita dalam sesebuah karya sastera sama ada novel, cerpen, puisi, mahupun drama. Pada masa yang sama, bahasa dalam sastera menjadi tanda yang penting dalam semiotik untuk mewakili, sesuai dengan apa yang ingin disampaikan oleh penulis. Diharapkan pada

masa hadapan, teori semiotik ini dapat diperkatakan dengan meluas menerusi kajian-kajian yang dijalankan dalam kesusasteraan Melayu.

## **Rujukan**

- Chandler, Daniel, 2000. *Semiotics for Beginners: Introduction*, <http://www.argyroneta.com/s4b/sem01.html> (20 April 2004).
- Cobley, Paul dan Litza Jansz, 1997. *Introducing Semiotics*, Victoria: McPherson's Printing Group.
- Eisele, Carolyn, 1983. "Mathematics As A Semiotic Factor in Thought of C.S.Peirce" dalam N.Deely, John dan Margot D.Lenhart (editor), *Semiotics 1981*, New York: Plenum Press.
- Hartshorne Charles dan Paul Weiss, 1965. *Collected Papers Charles Sanders Peirce*, Cambridge Massachusetts; The Belknap Press of Harvard University Press. Volume I & II.
- Henry Guntur Tarigan, 1986. *Pengajaran Pragmatik*, Bandung: Angkasa.
- Kris Budiman, 1999. *Kosa Kata Semiotika*, Yogyakarta: Gambiran UH.
- Mana Sikana, 1998. *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodenisme*, Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana Sikana, 2001. "Teori Semiotik: Tanda Bahasa dan Wacana Sastera" dlm. *Jurnal Bahasa*, Jilid 1, Bil. 2, Jun, hlm. 202.
- Morris, Charles, (1938) 1970. *Foundations of the Theory of Signs*, London: The University of Chicago Press.
- Nor Azah Aziz dan Rozlan Mohamed Noor, 2007. *Pusaka Cendana*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Panuti Sudjiman dan Aart Van Zoest (Peny.), 1992. *Serba-serbi Semiotika*, Jakarta: Penerbit PT Gramedia Utama.
- Puji Santosa, 1993. *Ancangan Semiotika dan Pengkajian Susastra*, Indonesia: Penerbit Angkasa Bandung.

- Rachmat Djoko Pradopo, 1993. *Pengkajian Puisi: Analisis Strata Norma dan Analisis Struktural dan Semiotik*, Jakarta: Gadjah Mada University Press.
- Peirce, Charles Sanders, 1965 (Vol. I & Vol. II). *Collected Papers of Charles Sanders Peirce*, Belknap Press of Harvard University Press: London.
- Sahlan Mohd. Saman, 1994. "Dekad 1990-an Era Kematangan Kesusasteraan Melayu." *Dewan Sastera*, Jilid 24, Mac. Bil. 4, hlm. 65.
- Supardy Muradi, 1984. "Semiotik dan Kajian Perlambangan." *Dewan Sastera*. Jilid 14, Disember: 35-39. Bil. 12, hlm. 36.
- Van Zoest, Aart, 1990. *Fiksi dan Non Fiksi dalam Kajian Semiotik*, Manoekmi Sardjoe (Ptj.), Jakarta: Intermasa.
- Van Zoest, Aart, 1993. *Semiotika: Tentang Tanda, Cara Kerjanya dan Apa yang Kita Lakukan Dengannya*, Jakarta: Yayasan Sumber Agung.